

22 NOV 1999

Mahathir-China

CHINA DIMINTA TIMBANG PENUBUHAN TABUNG KEWANGAN ASIA TIMUR

PUTRAJAYA, 22 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata China, Malaysia dan negara-negara Asia Timur yang lain harus memberi pertimbangan mendalam mengenai penubuhan Tabung Kewangan Asia Timur.

Perdana Menteri berkata penubuhan tabung itu bertepatan dengan usaha mempertingkatkan kerjasama serantau dan ekonomi dan beliau percaya negara-negara Asia Timur akan menghargai faedah yang akan diperolehi melalui tabung itu.

Katanya lagi, krisis ekonomi yang melanda rantau ini baru-baru ini telah memperlihatkan betapa lemahnya kerangka sistem kewangan dunia yang wujud sekarang.

"Adalah penting kelemahan-kelemahan ini diatasi melalui pembentukan kerangka kewangan yang baru dengan penyertaan negara maju dan negara membangun. Malaysia amat berharap China akan memainkan peranan positif dalam hal ini," katanya ketika berucap pada majlis jamuan malam meraikan Perdana Menteri China Zhu Rongji di kediaman rasminya Sri Perdana di sini.

Dr Mahathir juga berkata bahawa suasana serantau dan kewangan yang tidak menentu sekarang memerlukan konsep Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) direalisasikan.

Katanya, EAEC akan dapat membincangkan dan menyelesaikan perkara-perkara kepentingan bersama yang khusus bagi negara-negara Asia Timur dan mengukuhkan kerjasama negara-negara rantau itu pada alaf baru.

Perdana Menteri turut menyatakan penghargaan Malaysia kepada China kerana menyokong dan menunjukkan sikap positif terhadap cadangan-cadangan Malaysia untuk mewujudkan kerjasama bagi memastikan suara Asia Timur lebih lantang.

Negara-negara Asia Tenggara sekarang terlalu bergantung kepada Eropah dan Amerika dalam bidang perdagangan, katanya.

"Tanpa perlu mengurangkan perdagangan itu, adalah penting juga perdagangan di kalangan negara Asia Timur diperbanyakkan sama dengan perdagangan dengan Eropah dan Amerika," katanya.

Dr Mahathir berkata, perimbangan dagangan itu akan mengukuhkan ekonomi negara-negara Asia Timur dan menyumbang kepada kestabilan dan pertumbuhan ekonomi dunia.

"Krisis kewangan dan ekonomi yang melanda rantau kita jelas menunjukkan betapa lemahnya negara kita terhadap kuasa-kuasa tertentu yang menyalahgunakan globalisasi dan perdagangan bebas. Daripada keadaan ini kini muncul beberapa bentuk penjajahan yang baru," katanya.

Dr Mahathir berharap Malaysia dan China dapat memainkan peranan masing-masing untuk memastikan sejarah peperangan, pertelingkahan dan kesengsaraan di abad ini tidak berulang dan abad ke-21 akan menjadi satu abad baru dengan ekonomi serta politik antarabangsa adalah lebih adil dan saksama.

Perdana Menteri turut menyambut baik penerimaan China terhadap protokol Asean mengenai Perjanjian Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara.

"Malaysia percaya kesediaan China untuk menandatangani protokol itu sebagai komitmen China terhadap usaha mewujudkan kestabilan dan keamanan di rantau ini dan usaha mengurangkan pertumbuhan senjata nuklear di dunia," katanya.

Malaysia juga katanya menghargai komitmen China dalam memperkukuhkan proses perundingan dan kerjasama Asean dan China melalui rangka kerja yang sedia ada di pelbagai bidang termasuk merangka kod tatacara di Laut China

Selatan.

Zhu, yang mengetuai rombongan 107 anggota, tiba hari ini untuk lawatan rasmi lima hari ke Malaysia.

Rombongan Zhu termasuk Menteri Luar Pang Jia Xuan, Menteri Pertanian Chen Yao Bang, Menteri Bantuan Khas Lin Hua Qiu dan Naib Gabenor Bank Rakyat China Yan Hai Wang.

Malaysia merupakan negara Asean yang pertama mengadakan hubungan diplomatik dengan Beijing berikutan lawatan allahyarham Tun Abdul Razak ke negara itu pada 31 Mei, 1974.

Dr Mahathir melawat China pada Ogos tahun ini sempena ulang tahun ke-25 jalinan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara itu.

Esok Zhu dijangka menyaksikan upacara menandatangani perjanjian kebudayaan, memorandum persefahaman (MoU) antara Bank Negara Malaysia dengan People's Bank Of China dan pengaturan mengenai pertukaran binatang.

Dr Mahathir gembira dengan perkembangan hubungan ekonomi antara Malaysia dan China yang menyaksikan nilai perdagangan dua hala dalam empat tahun lepas meningkat kepada RM15.1 bilion pada tahun 1998.

Malaysia kini rakan perdagangan kedua terpenting China di kalangan negara Asean manakala China adalah rakan perdagangan Malaysia yang ke-11 terbesar.

Malaysia juga kini menjadi pelabur kedua terbesar di kalangan negara Asean di China.

Perdana Menteri turut menghargai keputusan China untuk terlibat sama dalam projek kertas dan pulpa yang bernilai RM4.3 bilion di Sabah, iaitu pelaburan terbesar China di rantau ini.

"Kami berharap lebih banyak syarikat China akan cuba meneroka peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia," katanya sambil menggesa sektor perniagaan kedua-dua buah negara mengambil pendekatan yang lebih agresif dalam pemasaran dan promosi dan menggunakan sepenuhnya potensi dan peluang yang ada.

Hubungan rakyat dengan rakyat antara kedua-dua buah negara juga bertambah baik dan Malaysia telah memansuhkan serta membuat beberapa pindaan kepada peraturan kemasukan yang merumitkan serta mencadangkan penubuhan pejabat konsulat jeneral di Shanghai dan Kunming bagi memudahkan kemasukan pelawat dan pelajar China ke negara ini, tambah Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AFY PR